

sains

KERATAN AKHBAR

2 - 8 MAC 2022

NEW STRAITS TIMES

Utusan MALAYSIA

Sinar

astro AWANI

NOGORI KITO

facebook

THE EDGE MARKETS

THE Sun

FMT news

Star

Kosmo!

Metro

BERITA HARIAN

malaysiakini

BERNAMA

RANIA

星洲日報 SIN CHEW DAILY

南洋商報 NANYANG SIANG PAU

中國報 CHINA PRESS

malaymail

RM25 juta atasi masalah bekalan air terawat di Negeri Sembilan

"Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) telah membuat beberapa perancangan bagi mengatasi segera masalah bekalan air terawat ini iaitu menggantikan Raked Screen di Loji Rawatan Air (LRA) Linggi dengan anggaran kos RM5 juta.

"Seterusnya menggantikan 'Panel Switchboard' Elektrik di LRA Linggi dengan anggaran kos RM3 juta serta empat tangki perumahan yang sudah berusia dan rosak, kira-kira RM2 juta. Ketiga-ketiga projek ini dijangka siap pada Mac 2023," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Exco di Wisma Negeri pada Rabu.

Beliau berkata, selain itu pemasangan jajaran paip baharu dari Kolam Teluk Kemang ke Kolam Si Rusa sejauh 10 kilometer bernilai RM15 juta yang dijangka siap pada Jun 2023 turut dilaksanakan.



Dalam pada itu, Aminuddin berkata, hasil siasatan daripada Badan Kawal Selia Air (BKSA) negeri pada 30 Januari, 15 Februari dan 17 Februari lepas mendapati kawasan tanah tinggi yang mengalami runtuh akibat bencana yang melanda di negeri ini pada Disember tahun lepas masih berada dalam keadaan yang tidak stabil.

"Apabila berlakunya hujan lebat di kawasan tanah tinggi tersebut, sisa-sisa runtuh tanah tersebut dibawa air hujan dan mengalir masuk ke sungai berhampiran seterusnya masuk ke Sungai Linggi.

"Antara kawasan tanah tinggi yang terlibat adalah kawasan Gunung Berembun dan Bukit Tangga melibatkan jajaran Sungai Golai, Sungai Batang Penar, Sungai Jerlang dan Sungai Terip yang kemudiannya bertembung masuk ke Sungai Linggi.

Peruntukkan RM25 juta atasi masalah bekalan air terawat

Seremban: Kerajaan Negeri Sembilan memperuntukkan RM25 juta bagi mengatasi segera masalah bekalan air terawat di Port Dickson berikutan kekerapan berlaku gangguan bekalan air di sekitar daerah berkenaan, kata Menteri Besar Negeri Sembilan Datuk Seri Aminuddin Harun.

Beliau berkata Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn Bhd (SAINS) membuat perancangan bagi memasang jajaran paip baharu dari Kolam Teluk Kemang ke Kolam Si Rusa sejauh 10 kilometer dengan kos RM15 juta yang dijangka siap pada Jun 2023 dan menggantikan 'Raked Screen' di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Linggi, dianggar bernilai RM5 juta.

"Selain itu, menggantikan 'Panel Switchboard' Elektrik di LRA itu dengan kos RM3 juta serta menggantikan empat tangki perumahan yang berusia dan rosak, kira-kira RM2 juta dan projek tersebut dijangka siap pada Mac 2023," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat EXCO di Wisma Negeri di sini, hari ini.

Aminuddin berkata masalah bekalan air terawat berpunca daripada penutupan LRA Sungai Linggi berikutan kadar kekeruhan air sungai itu terlalu tinggi apabila berlakunya hujan lebat di sekitar Seremban hingga loji tidak dapat memproses air mentah dari sungai tersebut.

Sementara itu, beliau berkata laporan siasatan Badan Kawal Selia Air (BKSA) negeri pada 30 Januari, 15 dan 17 Februari lalu mendapati kawasan tanah tinggi yang mengalami runtuh akibat banjir pada hujung tahun lepas, masih berada dalam keadaan tidak stabil.

"Apabila berlaku hujan lebat di kawasan tanah tinggi itu, sisa-sisa runtuh tanah dibawa air hujan dan mengalir masuk ke sungai berhampiran seterusnya masuk ke Sungai Linggi," katanya.

Menurutnya antara kawasan tanah tinggi terbabit adalah kawasan Gunung Berembun dan Bukit Tangga membabitkan jajaran Sungai Golai, Sungai Batang Penar, Sungai Jerlang dan Sungai Terip yang kemudiannya bertembung masuk ke Sungai Linggi.

Beliau berkata pihaknya akan mengambil langkah jangka pendek termasuk meningkatkan kekerapan rondaan penguatkuasaan di kawasan sekitar Sungai Linggi dan sungai lain yang kebarangkalian tinggi menyumbang kepada kekeruhan air di Sungai Linggi.

"Selain itu, kita mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan Akta Air 1920 jika terdapat pemegang permit pengorekan pasir atau pihak yang menyebabkan pencemaran tersebut," katanya.

Bagi langkah jangka panjang, Aminuddin berkata kerajaan negeri merancang membina struktur takungan sedimen di bahagian hulu Sungai Gunung Berembun bagi mengurangkan kadar sedimen yang tinggi mengalir masuk ke Sungai Linggi dan tindakan lanjut bagi perancangan ini sedang disusuli oleh BKSA.

<https://sembilan.sinchew.com.my/20220302/%e4%b8%ba%e8%a7%a3%e5%86%b3%e6%b3%a2%e5%8e%bf%e5%88%b6%e6%b0%b4%e9%97%ae%e9%a2%98-%e6%a3%ae%e6%94%bf%e5%ba%9c%e8%81%94%e5%90%88%e5%90%84%e9%80%a0-%e8%80%97%e8%b5%84%e5%8d%83%e4%b8%87%e6%8f%90%e5%8d%87/>

为解决波县制水问题 森政府联合各造 耗资千万提升宁宜滤水站



州政府与森州水务公司将耗资超过2500万令吉，提升宁宜滤水站来解决供水问题。（档案照）

（芙蓉2日讯）为解决波德申县频频发生水供中断的问题，森州政府拟定多套方案解决问题，而森州水务公司将耗资2500万令吉，提升宁宜滤水站的设施！

由于雨季所带来问题，波县居民近两年不断面临供水中断的窘境，民怨四起，此事也获得州政府的关注，并且逐步着手解决相关问题。

森州务大臣拿督斯里阿敏努丁指出，宁宜滤水站频频关闭，导致水供中断，是因为芙蓉区出现雨季，以致宁宜河的水浊度过高，使到滤水站无法把雨水处理成原水让民众使用。

他透露，水源监管机构（BKSA）在今年1月30日、2月15日及2月17日进行调查后发现，基于森州去年12月发生的严重水灾，导致遭受土崩的高地，如今仍处于不稳定的状态。

“因此，当位于高地处下雨时，山体滑坡的残留物就被雨水冲到附近河流，然后垃圾就会流入宁宜河。”

他指出，涉及到高地地区包括卜仑普山（Gunung Berembun）及武吉登崖（Bukit Tangga），其周遭的河流包括格莱河（Sungai Golai）、巴当本那河（Sungai Batang Penar）、泽浪河（Sungai Jerlang）与特力河（Sungai Terip）在下雨时，这些河流的残留物都会全部流向宁宜河。

SEREMBAN – 2 MAC 2022

25 JUTA ATASI MASALAH AIR DI NEGERI SEMBILAN

Kerajaan Negeri Sembilan memperuntukkan RM25 juta bagi mengatasi segera masalah bekalan air terawat berikutan kekerapan berlakunya gangguan bekalan air di Port Dickson kebelakangan ini.

Dalam pada itu, Aminuddin berkata, hasil siasatan daripada Badan Kawal Selia Air (BKSA) negeri pada 30 Januari, 15 Februari dan 17 Februari lepas mendapati kawasan tanah tinggi yang mengalami runtuh akibat bencana yang melanda di negeri ini pada Disember tahun lepas masih berada dalam keadaan yang tidak stabil.

"Apabila berlakunya hujan lebat di kawasan tanah tinggi tersebut, sisa-sisa runtuh tanah tersebut dibawa air hujan dan mengalir masuk ke sungai berhampiran seterusnya masuk ke Sungai Linggi." Antara kawasan tanah tinggi yang terlibat adalah kawasan Gunung Berembun dan Bukit Tangga melibatkan jajaran Sungai Golai, Sungai Batang Penar, Sungai Jerlang dan Sungai Terip yang kemudiannya bertembung masuk ke Sungai Linggi.

Peruntuk RM25 Juta Atasi Gangguan Bekalan Air Di Port Dickson – Aminuddin

<https://www.mediarania.com/2022/03/02/peruntuk-rm25-juta-atasi-gangguan-bekalan-air-di-port-dickson-aminuddin/amp/>

SEREMBAN, 2 Mac – Sebanyak RM25 juta diperuntukkan kerajaan Negeri Sembilan sebagai langkah segera mengatasi masalah bekalan air di sekitar kawasan Port Dickson berikutan penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Linggi.

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, projek-projek menerusi perancangan yang diambil oleh pihak Syarikat Air Negeri Sembilan Sdn. Bhd. (SAINS) tersebut dijangka mengambil masa antara 12 hingga 15 bulan untuk disiapkan.

“Ia termasuk bagi menggantikan *raked screen* di LRA Sungai Linggi dengan anggaran kos sebanyak RM5 juta selain menggantikan papan suis panel elektrik di LRA Linggi dengan kos sebanyak RM3 juta.

“Menggantikan empat buah tangki perumahan yang berusia dan rosak dengan anggaran kos sebanyak RM2 juta dan juga RM15 juta bagi memasang jajaran paip baharu dari Kolam Telok Kemang ke Kolam Si Rusa sejauh 10 kilometer,” katanya dalam sidang akhbar selepas mempengerusikan Mesyuarat Mingguan Exco Kerajaan Negeri Sembilan di Wisma Negeri di sini hari ini.

Aminuddin dalam pada itu menjelaskan, kekerapan berlakunya gangguan bekalan air di sekitar kawasan Port Dickson adalah disebabkan kadar kekeruhan air di Sungai Linggi yang terlalu tinggi setelah berlakunya hujan lebat di sekitar kawasan Seremban sehingga menyebabkan LRA Sungai Linggi tidak dapat beroperasi memproses air mentah secara optimum dari sungai tersebut.

Sehubungan itu katanya, kerajaan negeri turut mengambil beberapa langkah jangka masa pendek dan panjang bagi mengatasi masalah tersebut.

Jelas beliau, ia termasuk meningkatkan kekerapan rondaan penguatkuasaan di kawasan sekitar Sungai Linggi dan sungai lain yang berkebarangkalian tinggi menyumbang kepada kekeruhan air di Sungai Linggi serta mengambil tindakan sewajarnya selaras dengan Akta Air 1920 sekiranya terdapat pemegang permit pengorekan pasir atau mana-mana pihak yang menyebabkan pencemaran tersebut.

Selain itu katanya, tiada kelulusan baharu permit pengorekan pasir daratan atau pasir sungai di sepanjang Sungai Linggi yang akan dipertimbangkan oleh pihak kerajaan negeri.

“Bagi langkah jangka panjang pula, kawasan Linggi kini dalam perancangan untuk dibina *Off River Storage* yang berkapasiti lebih kurang 250 juta liter per hari (JLH) yang berfungsi sebagai kolam takungan air mentah untuk dibekalkan kepada LRA dan bukan lagi daripada Sungai Linggi.

“Kerajaan negeri juga merancang untuk membina struktur takungan sedimen di bahagian hulu Sungai Gunung Berembun bagi mengurangkan kadar sedimen yang tinggi mengalir masuk ke Sungai Linggi,” katanya.

Sementara itu, dalam sidang akhbar sama, Menteri Besar memaklumkan bahawa kerajaan Negeri Sembilan masih meneruskan syarat lengkap dua dos vaksin sebagai kebenaran untuk memasuki surau dan masjid di negeri ini termasuk untuk menunaikan solat Jumaat.

<http://n9.chinapress.com.my/2022/03/03/%e6%a3%ae%e5%b7%9e%e6%94%bf%e5%ba%9c%e6%8b%a82500%e4%b8%87-%e8%a7%a3%e5%86%b3%e6%b3%a2%e5%be%b7%e7%94%b3%e6%b0%b4%e4%be%9b%e9%97%ae%e9%a2%98/>

森州政府拨2500万 解决波德申水供问题

2022年3月03日 226点阅

(芙蓉3日讯) 受大水灾“后遗症”影响，波德申县频密出现水供干扰，森州政府宣布将拨出2500万令吉增设及更新水供建设，同时冻结批准宁宜沿河的新挖沙执照，避免河水混浊情况加剧。

森美兰州务大臣拿督斯里阿米努丁指出，波德申水供问题源自河水过于混浊，宁宜河滤水站无法运作生产食水而被逼关闭，经过森州水源监管机构调查显示，自2021年12月大水灾后，高地势发生土崩后仍处于不稳定，尤其在豪雨之后，泥泞随着雨水顺势流向河流及汇入宁宜河。

他说，为此，州政府将频密于宁宜河及其他有机会出现河水混浊的河流，展开执法巡逻，严厉对付造成污染的挖沙工程，同时不批准宁宜沿河的挖沙新执照。

“长期计划包括在距离宁宜滤水站约3公里建设储水站 (Off River Storage)，储备量每天可达2亿5000万公升，作为储存生水用途，以便直接供宁宜滤水站，避免从宁宜河直接输水，此计划将由中央政府拨款。”



在爆发大水灾后，宁宜河滤水站频密因为宁宜河水过于混浊，无法生产食水而关闭，进而影响波德申食水供应。(档案照)

他指出，州政府也将在柏冷本山河流的下游，建设沉淀物堆积池，减少冲入宁宜河的污泥。

他披露，森州水务公司将推动数项计划，迅速解决食水供应问题，包括更换宁宜滤水站的拦污栅，耗资约500万令吉；更换宁宜滤水站配电盘，耗资约300万令吉，两项工程可在2023年3月完成。

“水务公司也将更4座陈旧失修的花园住宅区蓄水池，约200万令吉；此外，将从直落甘望蓄水池，驳接全长10公里的新水管，以便可从直落甘望蓄水池，直接输水至西鲁沙蓄水池，耗资约1500万令吉，估计在2023年6月完工。”

SEREMBAN – 3 MAC 2022

25 JUTA ATASI MASALAH AIR DI NEGERI SEMBILAN

Kerajaan Negeri Sembilan memperuntukkan RM25 juta bagi mengatasi segera masalah bekalan air terawat berikutan kekerapan berlakunya gangguan bekalan air di Port Dickson kebelakangan ini.

Dalam pada itu, Aminuddin berkata, hasil siasatan daripada Badan Kawal Selia Air (BKSA) negeri pada 30 Januari, 15 Februari dan 17 Februari lepas mendapati kawasan tanah tinggi yang mengalami runtuh akibat bencana yang melanda di negeri ini pada Disember tahun lepas masih berada dalam keadaan yang tidak stabil.

"Apabila berlakunya hujan lebat di kawasan tanah tinggi tersebut, sisa-sisa runtuh tanah tersebut dibawa air hujan dan mengalir masuk ke sungai berhampiran seterusnya masuk ke Sungai Linggi." Antara kawasan tanah tinggi yang terlibat adalah kawasan Gunung Berembun dan Bukit Tangga melibatkan jajaran Sungai Golai, Sungai Batang Penar, Sungai Jerlang dan Sungai Terip yang kemudiannya bertembung masuk ke Sungai Linggi.

森政府宁宜物色地点 建蓄水區解“波”制水问题

(芙蓉3日讯) 森州政府已在森州宁宜物色地点兴建蓄水區，以一劳永逸解决波德申县制水问题，上述计划将会获得中央政府拨款，一旦完成草拟整个结构后，将会进行招标。森州务大臣拿督斯里阿米努丁今午主持森州行政会议后，在记者会上，这么表示。

他说，在雨季的时候，上流的雨量都会大量流向宁宜滤水站，当中包括大量的垃圾、木材等物品，以致森州水务公司必须关闭滤水站进行清理，才引发波德申县频频面对制水问题，导致当地酒店业面对水供问题，影响旅游业。

确诊后才知日子难过 阿米努丁吁民加倍防疫

另一方面，阿米努丁于2月23日确诊冠病，在完成7天隔离及康复后，已回返工作岗位，并提醒民众要格外谨慎，尽量避免受到病毒感染。

阿米努丁今日主持每周行政议会后，在记者会上表示，本身并不知道感染的源头，也没有明显的症状，只是觉得身体不舒服，所以进行抗原快速检测（RTK），并发现确诊。

他说，在知道确诊后，心情变得沉重，之后也出现发烧的症状，并居家隔离一周。

“妻子、孩子经检测后呈阳，不过由于妻子照顾我，也必须隔离，用餐也是一个人，虽然也是照常在家中工作，但是感觉一天的时间很长，不像平日般很快就过了一天，同时在隔离期间也增加了一份担忧，饱受折磨。”

他说，确诊后方知日子难过，这种不同的生活方式，只有体验过的人才懂，所以民众应加倍防疫。

淡边隔离中心仅20人入住

阿米努丁说，截至3月1日，淡边县低风险冠病隔离及治疗中心（PKRC）只有20人入住，分别为7男及13女；而汝来Lodge Residence 私人的冠病隔离中心则有104人，包括81名男性及23名女性。

他说，淡边县隔离中心有224张床位，私人隔离中心则有400张床位，州内大部分确诊者，皆属可居家隔离的第一级及第二级病例，因此以居家隔离者居多。

“以3月1日森州单日确诊1808宗为例，其中386宗属第一级，1421宗为第二级，1人在加护病房；较令人担忧的是死亡病例，民众必须照顾健康，减低染疫风险。”

“截至3月1日，森州共有14人在加护病房，8人需要靠呼吸器，有79人在普通病房。”

森6582公务员完成接种

阿米努丁披露，截至2月28日，森州有6582名公务员完成接种两剂疫苗，占总人数99.5%，当中已接种加强剂者有2168人，占32.8%；拒绝接种冠病疫苗的公务员有19人。

SEREMBAN – 3 MAC 2022

25 JUTA ATASI MASALAH AIR DI NEGERI SEMBILAN

Kerajaan Negeri Sembilan memperuntukkan RM25 juta bagi mengatasi segera masalah bekalan air terawat berikutan kekerapan berlakunya-gangguan bekalan air di Port Dickson kebelakangan ini.

Dalam pada itu, Aminuddin berkata, hasil siasatan daripada Badan Kawal Selia Air (BKSA) negeri pada 30 Januari, 15 Februari dan 17 Februari lepas mendapati kawasan tanah tinggi yang mengalami runtuh akibat bencana yang melanda di negeri ini pada Disember tahun lepas masih berada dalam keadaan yang tidak stabil.

"Apabila berlakunya hujan lebat di kawasan tanah tinggi tersebut, sisa-sisa runtuh tanah tersebut dibawa air hujan dan mengalir masuk ke sungai berhampiran seterusnya masuk ke Sungai Linggi." Antara kawasan tanah tinggi yang terlibat adalah kawasan Gunung Berembun dan Bukit Tangga melibatkan jajaran Sungai Golai, Sungai Batang Penar, Sungai Jerlang dan Sungai Terip yang kemudiannya bertembung masuk ke Sungai Linggi.

Peruntukan RM25 juta atasi gangguan bekalan air di Port Dickson

SEREMBAN: Kerajaan Negeri Sembilan memperuntukkan dana berjumlah RM25 juta bagi menangani gangguan bekalan air di Port Dickson.

Menteri Besar, YAB Dato' Seri Aminuddin Harun berkata, perancangan yang dirangka oleh Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) dijangka mengambil masa antara 12 hingga 15 bulan untuk disiapkan.

"Antara penambahbaikan yang dilaksanakan adalah 'raked screen' di Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Linggi dengan anggaran kos sebanyak RM5 juta selain menggantikan papan suis panel elektrik LRA tersebut dengan kos sebanyak RM3 juta.

"Empat buah tangki perumahan yang berusia dan rosak juga akan diganti dengan anggaran kos sebanyak RM2 juta.

"RM15 juta pula diperuntukkan bagi memasang jajaran paip baharu sepanjang 10 kilometer dari Kolam Telok Kemang ke Kolam Si Rusa," kata beliau.

Aminuddin berkata, bagi langkah jangka panjang pula, kawasan Linggi kini dalam perancangan untuk dibina Off River Storage yang berkapasiti lebih kurang 250 juta liter per hari (JLH) yang berfungsi sebagai kolam takungan air mentah untuk dibekalkan kepada LRA dan bukan lagi daripada Sungai Linggi.

"Kerajaan Negeri juga merancang untuk membina struktur takungan sedimen di bahagian hulu Sungai Gunung Berembun bagi mengurangkan kadar sedimen yang tinggi mengalir masuk ke Sungai Linggi.

"Untuk makluman, gangguan air kerap berlaku di sekitar kawasan Port Dickson berikutan kadar kekeruhan air di Sungai Linggi yang terlalu tinggi setelah berlakunya hujan lebat di sekitar kawasan Seremban," jelas Aminuddin.

Tak mampu bertahan, 22 mangsa banjir terpaksa berpindah

Jelebu: Sembilan keluarga dari Kampung Juntai di sini, terpaksa dipindahkan ke Pusat Pemindahan Sementara (PPS) Sekolah Kebangsaan Simpang Durian selepas rumah mereka masih ditenggelami banjir.

Kebanyakan rumah mangsa berada berhampiran Sungai Triang yang melimpah berikutan hujan lebat sejak petang semalam. Ketua Zon 3, Timbalan Penguasa Bomba (TPgB) Ahmad Nazmi Halil berkata, seramai 22 mangsa mula dipindahkan ke PPS pada jam 12 tengah hari tadi.

Katanya terdapat lapan lelaki dewasa, 10 wanita dan empat kanak-kanak ditempatkan di PPS berkenaan.

"Agensi berkaitan akan memastikan kebajikan mangsa yang ditempatkan di PPS diberi perhatian Bekalan air bersih dari tangki Syarikat Air Negeri Sembilan (SAINS) turut disediakan.

"Mangsa akan dibenarkan pulang ke rumah sekiranya keadaan bertambah baik. Namun ketika ini keadaan air Sungai Triang masih tinggi," katanya.

Katanya, bomba dan agensi lain akan terus memantau keadaan banjir dan mahu penduduk sentiasa peka dengan amaran dan arahan yang dikeluarkan.

Selain itu jambatan sementara yang menghubungkan Kampung Jerang dan Kampung Bemban turut dilimpahi air ketika tinjauan yang dibuat pagi tadi.